



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 29 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	SELESAI IKUT DIPLOMATIK, PERUNDANGAN, SETEMPAT, HARIAN METRO -15 SALAHUDDIN IMBAU KENANGAN ZAMAN SEKOLAH, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -34 AGRICULTURE MINISTER: PLAN TO CONTROL 'MIDDLEMAN' OF AGRICULTURE PRODUCTS THROUGH LICENSING, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 IDEA LESENKAN ORANG TENGAH DIPERTIMBANGKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN - 20 1000 BEKAS AKTIVITIS BANTU PULIHKAN EKONOMI BALING, NEWS, SINAR HARIAN -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6. 7.	KENAPA BANYAK IKAN MATI, TENGAH, SINAR HARIAN – 20 SAVE BATU MAUNG MANGROVE SWAMP, GOVT URGED, NATION, THE STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
8. 9.	PESAWAH MUDA RAIH RM30000 SEMUSIM, INSPIRASI, BH -28 RM3000 SATU MUSIM, SETEMPAT, HARIAN METRO -28	PADI BERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
10. 11. 12.	NELAYAN TELUK BAHANG DIANCAM LUMPUR, DALAM NEGERI, UTUSAN MELAYSIA - 18 SIAPA BERTANGGUNGJAWAB KOREK PASIR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -45 NELAYAN PULANG DENGAN 2 EKOR IKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -45	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15

Serdang

Selesai ikut diplomatik, perundangan

Malaysia berharap penahanan vesel negara ini oleh pihak berkuasa Indonesia dapat diselesaikan menerusi saluran diplomatik dan perundangan sedia ada.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, beliau mengambil tanggungjawab penuh terhadap vesel Malaysia yang sekarang ditahan di

negara jiran itu.

Menurutnya, ada lapan atau sembilan vesel ditahan kerana didakwa masuk ke perairan negara terbabit.

Berikutan itu, katanya, beliau akan menghantar Ketua Setiausaha (KSU) kementerian Datuk Sallehuddin Hassan ke Jakarta sebagai memenuhi tanggungjawab untuk merundingkan perkara berkenaan.

Headline	Salahuddin imbau kenangan zaman sekolah		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	29 Mar 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	34	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,056



Salahuddin (kanan) mengetuk gong sebagai tanda perasmian Makan Malam Amal SMK Sri Perhentian.

Salahuddin imbau kenangan zaman sekolah

PONTIAN - Pergaulan mesra bersama rakan dan guru pelbagai kaum ketika belajar di SMK Sri Perhentian antara diceritakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Kisah yang mengimbau kenangan itu menyentuh perasaan alumni yang hadir majlis Makan Malam Amal SMK Sri Perhentian, baru-baru ini.

Salahudin berkata, SMK Sri Perhentian yang berusia 70 tahun tahun ini merupakan institusi pendidikan yang berjaya membentuk perpaduan kaum selain menyampaikan ilmu.

"Di Dewan Nostalgia yang menjadi lokasi majlis Makan Malam Amal ini dahulu merupakan tempat saya dan rakan pelbagai kaum bermain bola sepak.

"Kami semua kawan, sama-sama bermain dan belajar. Guru pula berdedikasi beri ilmu kepada kami ketika itu," katanya.

Beliau berharap agar SMK Sri Perhentian terus membangun dan menjadi tempat menyatukan anak bangsa dari pelbagai kaum.

Sementara itu, Pengetua SMK Sri Perhentian, Abdul Rahman Salleh menghargai sumbangan pelbagai pihak bagi pembinaan gelanggang bola keranjang dan menaik taraf kemudahan sekolah.

Katanya, hubungan baik pengurusan sekolah dan alumni terserlah apabila kerja-kerja membaiki Dewan Nostalgia dilakukan hasil kutipan dana dari alumni.

Headline	Agriculture minister: Plan to control `middlemen` of agricultural products through licensing		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	29 Mar 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	718 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,093



农长：拟通过发执照

管制农产品“中间人”

(沙登 28 日讯) 农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁指出，该部考虑管制各类农产品的“中间人”，并指可通过发出执照予以管制，设定“中间人”在各类农产品可处理的重量、数量和定价上限。

他说，世界上没有任何一个国家能解决“中间人”的问题，我国独立已 60 年，是时候考虑管制“中间人”。

沙拉胡丁说，渔夫出海捕鱼需要执照，零售商和批发商也需要执照，为什么“中间人”不需要？

他说，政府有权对付产品价格高于市场价、不遵守统制品价格的行为，偏偏就是不能够对付“中间人”。

他说，管制“中间人”是很新的概念，他需要和国内贸易及消费事务部长拿督斯里赛弗丁讨论，这个问题牵涉许多政府部门，包括内政部。

沙拉胡丁今日出席大马农业发展研究所 (MARDI) 举办的部长和该研究所官员大会后，在记者会上回答问题时这么说。

该大会主题为“农业永续性的挑战”，由研究所退休人士东姑阿里夫主持。

出席者包括该研究所副总监卡玛丽雅，该研究所退休人士和前员工 (MASMARDI) 主席拿督哈欣。

沙拉胡丁说，从水果、蔬

菜及渔产等农产品中，都有“中间人”的角色。

他说，该研究所的一份研究显示，“中间人”是无法消除的，反之只能管制。

他说，如果不受管制，“中间人”的活动会很猖獗。

沙拉胡丁昨天在国会下议院做部门总结国家元首施政御同时提到，推出渔民市场，可避开“中间人”，渔民的渔产可直接卖给消费者，在鱼类价格上达到双赢目标。

8 渔船被印尼扣押

另一方面，沙拉胡丁说，他已指示部门秘书长拿督沙烈胡丁和官员近期到印尼处理沙拉越渔民遭印尼扣留的事件。目前我国有 8 艘渔船被印尼扣押，我国渔民被指闯入印尼水域。

“希望印尼海洋与渔业部长苏西能给予配合，我们将通过外交管道和尊重法律程序解决这件事。”



沙拉胡丁和大马农业发展研究所官员交流。

Headline	Idea lesenkan orang tengah dipertimbang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	20	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,161



Idea lesenkan orang tengah dipertimbang

➔ Langkah kawal, elak manipulasi harga melampau

► Serdang

Idea untuk melesenkan orang tengah bagi mengawal golongan itu daripada mengenakan harga sesuka hati sedang dipertimbang, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, idea melesenkan orang tengah timbul selepas kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati orang tengah tidak boleh dihapuskan tetapi pada masa sama, ada orang tengah yang membawa manfaat.

Katanya, orang tengah yang mungkin perlu dilesenkan ter-

babit dalam rantaian industri buah-buahan, sayuran dan ikan.

Tiada peraturan khas

"Pada masa ini, tidak ada peraturan yang boleh menghalang orang tengah, malah masyarakat tidak mengenali siapa sebenarnya orang tengah.

"Mereka yang hendak ke laut perlu ada lesen, peruncit perlu ada lesen, pemborong juga perlu ada lesen, tetapi kenapa orang tengah tidak ada lesen," katanya kepada media selepas majlis *town hall* bersama MARDI, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, beliau akan membincangkan idea melesenkan orang tengah itu de-



Salahuddin (kanan) pada sesi *Town Hall* bersama MARDI di Serdang, semalam.



Pada masa ini, tidak ada peraturan yang boleh menghalang orang tengah, malah masyarakat tidak mengenali siapa sebenarnya orang tengah"

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

ngan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Kementerian Dalam Negeri.

Sementara itu, pada sesi *town hall* berkenaan, Salahuddin berkata, kementeriannya sedang merangka satu sistem untuk memperkenalkan tabung amanah pelaburan bagi nelayan dan petani meningkatkan taraf hidup mereka.

"Melalui tabung amanah pelaburan itu, semua nelayan dan pesawah boleh mendapat keuntungan secara terus.

Cadangan ini akan dibincangkan dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB)," katanya.

BERNAMA

Headline	1,000 bekas aktivis bantu pulihkan ekonomi Baling		
MediaTitle	Sinar Harian(www.sinarharian.com.my)		
Date	29 Mar 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

1,000 bekas aktivis bantu pulihkan ekonomi Baling

Azlan Shah, Ramlah, Rizawani dan Ismail pada sesi wacana, semalam. -Foto Sinar Harian Asril Aswandi Shukor.
 ABALING - Kira-kira 1,000 bekas aktivis demonstrasi Baling 1974 akan dihimpunkan bagi kajian khusus memerangi kemiskinan di daerah ini.Pengerusi L...

To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)**

Kenapa banyak ikan mati?

Ratusan ikan pelbagai spesies mati di tasik Taman Gelora

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Pelik! Apa sudah jadi? Itu reaksi pengunjung Taman Gelora di sini yang dikejutkan dengan penemuan pelbagai spesies ikan mati di tasik itu sejak beberapa hari lalu.

Tidak diketahui punca kejadian, ratusan ikan mati yang tumbul di permukaan tasik itu mencetus pelbagai tanda tanya dan menarik perhatian ramai.

Seorang pengunjung,

Ahmad Ramadan Zaim, 36, berkata, dia menyedari kejadian terbabit sewaktu berjoging di kawasan tasik itu dua hari lalu.

Menurutnya, punca ikan mati tidak dapat dikenal pasti dan berharap Jabatan Perikanan negeri membuat siasatan segera.

"Saya setiap hari berjoging di sini dan setiap hari terdapat ikan yang mati.

"Setakat ini, jumlah ikan mati belum banyak tetapi siasatan perlu dibuat untuk tahu punca," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Azahari Othman berkata, pihaknya menyiasat dan mencari punca sebenar kejadian.

Katanya, banyak faktor lain yang boleh menyebabkan ikan pelbagai spesies ikan di

Fenomena pelik itu turut menjadi perhatian dalam kalangan pengguna media sosial dan tular di Facebook.

Dalam pada itu, Azahari berkata, air laut yang masuk ke dalam tasik ketika air pasang juga boleh menyebabkan ikan spesies siakap, tanda dan kerong kerong mati.

"Beberapa petunjuk boleh dikaitkan sebagai punca seperti kemungkinan berlaku kekurangan oksigen dalam tasik menyebabkan berlakunya kematian ikan di tasik terbit.

"Siasatan hari ini (semalam) mendapati pembinaan jalan berhampiran tasik tersebut menyebabkan berlakunya pencemaran air hingga ikan mati," katanya.



Pelbagai spesies ikan mati di tasik Taman Gelora. Gambar kecil: Ikan mati tumbul di permukaan tasik.

"Saya akui keadaan begini akan menumbulkan rasa tidak senang dalam kalangan masyarakat. Namun dalam keadaan sekurang-kurangnya cuaca panas juga boleh menyebabkan ikan mati apabila suhu air di tasik berkenaan

yang cetek meningkat secara mendadak.

"Faktor pencemaran dan penyakit disebabkan virus dan bakteria tertentu turut boleh menyebabkan ikan mati secara serentak," katanya ketika dihubungi semalam.

yang cetek meningkat secara mendadak.

"Faktor pencemaran dan penyakit disebabkan virus dan bakteria tertentu turut boleh menyebabkan ikan mati secara serentak," katanya ketika dihubungi semalam.

Headline	Save Batu Maung mangrove swamp, govt urged		
Media Title	The Star		
Date	29 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	201,943
Page No	3	Readership	605,829
Language	English	Article Size	245 cm ²
Journalist	ARNOLD LOH	Ad Value	RM 6,233
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,698



Save Batu Maung mangrove swamp, govt urged

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The government has been urged to come up with plans to protect a mangrove swamp in Batu Maung that has withstood the test of time and is now seen as a scientific treasure.

Despite being surrounded by factories and facing urban pollution, the mangrove swamp has beaten the odds and turned itself into a gene bank of 12 species of mangrove trees.

Cut off from the coastline by decades-old reclamation, the trees somehow thrive on nothing more than a 1km-long and 20m-wide canal that allows seawater to reach

them during spring tides.

This 20ha swamp in Batu Maung is now a scientific showcase of global importance because its ecosystem has to be studied to understand how it withstands decades of human pollution.

Mangrove ecologist Dr Foong Swee Yeok, from Universiti Sains Malaysia, said while mangrove swamps were hardy, this patch had gotten "more than its fair share of pollution".

"It survived the pig farms that were numerous in Batu Maung in the 80s before industrialisation.

"There used to be a large market next to it and all its waste water would run through it.

"And now the swamp is in the

heart of an industrial area, and yet it thrives," Foong noted, adding that most mangrove swamps had only a few species and that it was "amazing" this little swamp contained 12 varieties.

She said mangrove trees were so hardy that they could absorb heavy metals and unknown to Penangites, this swamp could have been helping to store such pollutants and kept them from the sea.

"In Hong Kong, mangrove swamps are used as the third filter of sewage before it is released into the sea.

"Even though the sewage is treated, it still contains high levels of nitrates that can give rise to red tides and jellyfish blooms."

Stressing that the Batu Maung swamp is the only one in the country in a heavily urbanised environment, Foong said the authorities had to protect it as a scientific treasure.

About 4ha of the swamp were found cleared late last year and a boat repair yard business was set up on it.

After the trees were cleared, the swamp was filled with illegally dumped construction waste.

State Environment Committee chairman Phee Boon Poh said it was a serious offence to clear the swamp and set up a business without planning permission.

"Although it is federal land, what happens on it requires the approval

of the local authority.

"We realise how valuable the swamp is and we will try every way we can to make sure it is conserved," he said.

The land is owned by the Lands and Mines Office under the guardianship of the Fisheries Department.

State Fisheries Department director Noraisyah Abu Bakar said several departments, including the Forestry Department, Forest Research Institute Malaysia and Lands and Mines Office, and other state authorities recently met to discuss how to best use the swamp to serve the public.

Noraisyah said her department valued mangrove swamps as breeding grounds for marine fishes.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2019	BH	INSPIRASI	28



Norzan menunjukkan anugerah pesawah cemerlang dalam Anugerah Tani BERNAS 2019 yang dimenangkannya ketika ditemui di Kampung Sungai Baru, Kubang Rotan.

Pesawah muda raih RM30,000 semusim

➔ Tak pernah duduk diam, kongsi idea pengalaman tingkat hasil tanaman

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Seorang petani muda dari Kuhang Rotan, di sini, mampu membuktikan menjadi seorang pesawah boleh menjanjikan pulangan lumayan apabila dia mampu meraih pendapatan kira-kira RM30,000 semusim.

Norzan Abdullah, 39, yang dianugerah sebagai pesawah cemerlang dalam Anugerah Tani Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) 2019 baru-baru ini, berkata dia mengakui untuk meraih hasil bersih RM30,000 semusim atau RM5,000 sebulan sebagai petani bukannya mudah dan memerlukan usaha yang gigih.

"Pada asalnya saya hanya mengerjakan sawah pusaka orang tua seluas dua hektar, namun jika mengusahakan sawah yang sedikit, kita perlu tanam azam untuk meluaskan tanaman sejauh mata memandang, itulah cita-cita saya sejak berusia 16 tahun.

"Tapi sekarang saya sudah mampu menyewa sawah lain sebanyak sembilan hektar sekitar Kubang Rotan serta memiliki dua lori, sebuah mesin menuai padi dan tiga jentera pembajak, selain menggaji empat pekerja," katanya ketika ditemui di Kilang BERNAS, Sungai Baru, Kubang Rotan, di sini.

Teliti perkembangan tanaman

Ketika ditanya resipi kejayaannya, Norzan berkata, dia tidak pernah duduk diam dan bercuti walaupun pada hujung minggu.

Katanya, setiap hari seawal jam 8 pagi dia akan mula meronda di kawasan sawah untuk melihat perkembangan hasil tanaman padinya sehinggalah ke waktu petang hingga malam.

"Pada waktu malam saya akan suluh kawasan sawah untuk melihat ada haiwan perosak seperti tikus atau



Pengalaman sejak berusia 16 tahun menjadikan pesawah menyebabkan saya sangat prihatin dengan keadaan sawah dan pokok padi"

Norzan Abdullah, Pesawah

siput gondang, jika ada, kesokan pagi saya akan minta pekerja untuk menyembur racun bagi memastikan hasil padi tidak merosot.

"Pengalaman sejak berusia 16 tahun menjadi pesawah menyebabkan saya sangat prihatin dengan keadaan sawah dan pokok padi, malah saya turut memberikan khidmat nasihat kepada pesawah lain untuk meningkatkan hasil padi mereka terutama berkaitan sukatan penggunaan baja dan racun yang betul," kata anak kesembilan daripada 12 beradik itu.

Mahu usahakan lebih banyak sawah

Bapa kepada lima anak ini turut bercadang untuk menambah beberapa jentera lagi di masa depan selain mengusahakan lebih banyak sawah.

Sementara itu, Eksekutif Bekalan Kilang BERNAS Sungai Baru, Fatimah Othman, berkata Norzan layak menerima anugerah itu berikutan menjual padi kepada kilang terbabit dengan kuantiti yang semakin meningkat setiap musim.

Katanya, pada musim 1/2018, Norzan menjual 73 tan padi dan ia meningkat kepada 83 tan pada musim 2/2018 dengan keluasan sawah yang sama.

"Hasil padi yang banyak serta berkualiti menyebabkan dia dipilih memenangi anugerah itu daripada 140,000 pesawah yang berdaftar dengan BERNAS di seluruh negara," katanya.

NORZAN menunjukkan replika cek dan Pula Pesawah Cemerlang yang dimenangkannya pada Anugerah Tani BERNAS.

Akar Seter

Menjadi pesawah bukannya kerjaya pilihan orang muda kerana mereka perlu bermain lumpur, terdistribusi ke mana-mana, terdistribusi ke mana-mana, terdistribusi ke mana-mana. Namun usaha petani muda Norzan Abdullah, 39, dari Kubang Rotan ini cukup membanggakan apabila mampu meraih pendapatan RM30,000 sermusim atau RM5,000 sebulan.

Malah dia turut dipilih sebagai pesawah cemerlang Anugerah Tani Padibras Nasional Bhd (BERNAS) 2019. Norzan berkata, pendapatan bersih itu bagaimanapun tidak dipencil dengan mudah tanpa usaha gigih.

"Jika mengusahakan sawah yang sedikit, kita perlu tanam azam untuk meluaskan lanaman. Inulah dia-cita saya sejak berusia 16 tahun dan asalnya hanya mengerjakan sawah pusaka orang tua seluas dua hektar.

"Tapi sekarang saya sudah mampu menyewa sawah lain sebanyak sembilan hektar di sekitar Kubang Rotan serta memiliki dua Lori, sebuah mesin menuai padi dan tiga jentera pembajak selain menggantikan empat pekerja, katanya di Kilang BERNAS, Sungai Baru, Kubang Rotan.

Mengenal resipi kejayaannya, Norzan berkata, dia tidak pernah duduk diam dan bercuti walaupun pada hujung minggu.

Setiap hari jam 8 pagi dia



■ Pesawah cemerlang Anugerah Tani BERNAS 2019 kini bangga mampu peroleh pendapatan RM5,000 sebulan

metonda di kawasan sawah untuk melihat perkembangan pokok padi hingga waktu petang ataupun malam.

"Waktu malam pula saya menyuluh kawasan sawah untuk memerhati hatiran perosak seperti tikus atau siput gondang. Jika ada, kesokan pagi saya minta pe-

kerja menyembur racun bagi menamatkan hasil padi mereka terutama berkaitan sakan penggunaan baja dan racun yang betul," kata beradik iri.

Bapa kepada lima anak ini bercadang menambah beberapa jentera pada masa depan selain mengusahakan lebih banyak sawah.

menjual 73 tan padi dan musim kedua 83 tan walaupun dengan kehausan sawah yang sama.

"Hasil padi yang banyak serta berkuat menyebarkan dia dipilih memenangi anugerah ini daripada 140,000 pesawah yang ber-

daftar dengan BERNAS di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Eksekutif Bokalun Kilang BERNAS Sungai Baru, Fatimah Orman berkata, Norzan layak menerima anugerah ini apabila jualan padinya kepada kilang terbabit memperlihatkan peningkatan kuantiti setiap musim.

Katanya, pada musim pertama tahun lalu, Norzan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2019	UTUSAN MELAYU	DALAM NEGERI	18

Nelayan Teluk Bahang diancam lumpur

SAUDARA PENGARANG.

KERAJAAN Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Laut perlu menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencemaran sisa lumpur di perairan Teluk Bahang ketika ini.

Masalah yang berlarutan sejak lebih setahun yang lalu itu kini semakin kerap berlaku serta mengancam kehidupan lebih 200 nelayan pantai di kawasan berkenaan.

Masalah itu dipercayai berpunca daripada tindakan kapal pengangkut sisa lumpur dari tapak projek penambakan laut di Persiaran Gurney membuang bahan itu ketika dalam perjalanan ke Pulau Kendi.

Di samping lumpur terdapat bahan buangan lain seperti sisa kayu dan besi melekat pada pukot nelayan sehingga menyebabkan peralatan itu rosak dan mereka telah mengalami kerugian antara RM300 hingga RM7,000 seorang.

Difahamkan, ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan di kawasan itu juga turut berkurangan menyebabkan hasil tangkapan mereka merosot melebihi 50% setiap kali pencemaran itu berlaku.

Jabatan Perikanan negeri perlu mengadakan perjumpaan dengan nelayan Teluk Bahang bagi membincangkan masalah ini dan masa depan kehidupan mereka yang terjejas akibat kejadian tersebut.

Bantuan atau pampasan wajar diberikan kepada semua mangsa kejadian ini kerana kerugian akibat kerosakan pukot yang dialami adalah besar dan mereka terpaksa mengambil masa lama untuk turun semula ke laut

bagi menjalankan aktiviti tangkapan.

Walaupun masalah yang membelenggu nelayan ini telah lama berlaku, namun tidak ada perhatian serius yang diberikan oleh pihak berkenaan.

Jika projek penambakan laut berhampiran kawasan berkenaan diteruskan, lebih banyak pencemaran akan berlaku di situ dan kehidupan nelayan pantai akan semakin susah.

SAHABAT ALAM MALAYSIA (SAM)
Pulau Pinang



SEORANG nelayan menunjukkan pukot yang rosak akibat lumpur di Jeti Nelayan Teluk Bahang, Pulau Pinang, baru-baru ini. - GAMBAR IHSAN PEMBACA

Siapa bertanggungjawab korek pasir?

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
perang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 28 MAC

SIAPA yang bertanggungjawab mengorek pasir di perairan Jelutong yang sedang giat berjalan ketika ini? Itu persoalan yang menjadi misteri dan tanda-tanya dan pada aktiviti mengorek pasir itu yang difahamkan sudah dilakukan sejak awal Februari lalu.

Lebih menghairankan, pasir yang dikorek pada jarak kira-kira satu batu nautika dan perairan Jelutong menggunakan dua jergantut itu ditonggalkan di kawasan pantai berdekatan Macallum, Georgetown di sini untuk kegunaan dan projek yang tidak dapat diposilkan.

Menurut Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang, Nazri Ahmad, pihaknya tertanya-tanya mengenai status projek korek pasir itu sama ada diluluskan pihak berkuasa khususnya kerajaan negeri Pulau Pinang atau dilakukan secara haram.

Ini kerana katanya, projek itu bermula secara tiba-tiba sejak Februari lalu tanpa pihak ne- layan dimaklumkan atau tanpa sebarang kajian impak alam sek- tar (EIA) dibuat terlebih dahulu.



SEBAGIAN daripada nelayan menghadiri bantahan berhubung kerja-kerja mengorek pasir yang menjejaskan hidupan laut di Jelutong, Pulau Pinang, semalam.

Malah, lebih dikesalkan aduan mereka kepada agen- si berkaitan termasuk pihak berkuasa tidak mendapat mak- lum balas apabila aktiviti men- gorek pasir itu terus berjalan se- hingga kini seolah-olah di luar penglihatan pihak berwajib.

"Lebih daripada itu, kawasan yang dikorek itu juga merupa- kan habitat kepada anak-anak ikan, udang dan ketam untuk berkembang dan semuanya kini musnah akibat aktiviti itu.

"Nelayan juga hilang pen- dapatan lebih 50 peratus dan hidup semakin terhimpit apatah lagi dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini," katanya ke- pada pemberita di sini hari ini.

Menurut Nazri, pihaknya hairan bagaimana pemaaju boleh

sewanang-wenang mengo- rek pasir di kawasan laut yang sangat dekat dengan pantai itu tanpa disedari pihak berkuasa.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan pihak berwajib yang mana kerja-kerja men- gorek pasir tersebut jika tidak dihentikan segera boleh mem- bahayakan nyawa orang ramai.

Ini kerana katanya, lumpur dan

keladak akibat pengorekan pasir yang dilakukan akan mencemar- kan hidupan laut dengan bakteria E. Coli dan Salmonela.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Ma- syarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh berkata, kerajaan negeri tidak pernah memberi kelulusan atau kebenaran bagi kerja-kerja men- gorek pasir di perairan Jelutong.

Justeru kata beliau, pihaknya akan menubuhkan siasatan ber- hubung aktiviti tersebut.

Dalam masa sama, Kumpu- lan E&O iaitu pemaaju bagi pro- jek tambak laut Seri Tanjung Pinang 2 (STP2) di Persiaran Gurney mendakwa tidak mem- punyai kaitan dengan kerja-ker- ja mengorek pasir berkenaan.

Jurucakapnya berkata, pasir yang digunakan mereka untuk projek dijalankan menerusi anak syarikat Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. diper- oleh dari luar negeri ini iaitu dari Perak dan Selangor.

Katanya, pasir yang diperoleh itu juga diambil dengan me- matuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta melalui kesan impak alam sekitar (DEIA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	45

Nelayan pulang dengan 2 ekor ikan

PULAU PINANG 28 Mac - Daripada berbelas-belas kilogram hasil tangkapan, kini hanya dapat seekor dua ikan bawal.

Itu yang terpaksa ditanggung nelayan, **Quah Beng Leong**, 65, yang mendakwa terjejas teruk berikutan kerja mengorek pasir yang giat berjalan di perairan Jelutong di sini ketika ini.

Katanya, penyusutan mendadak hasil tangkapan itu semakin dirasai hari demi hari sekali gus menunjukkan keadaan laut yang semakin musnah dan tercemar akibat kerja mengorek pasir tersebut.

"Sekarang walau seharian turun ke laut sekali pun, belum

tentu pulang membawa hasil. Jadi bagaimana kami mahu meneruskan kehidupan?" katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Beng Leong, dia yang sudah hampir 40 tahun menjadi nelayan sudah terbiasa berdepan cabaran dalam menangkap ikan namun kerja korek pasir yang dilakukan berdekatan pantai adalah sesuatu yang serius dan di luar kawalan.

Ini kerana, katanya, aktiviti itu bakal memusnahkan hasil laut secara jangka masa panjang apatah lagi pasir yang dikorek tersebut merupakan lubuk atau tempat pembiakan yang kaya dengan

anak-anak ikan, ketam dan udang.

Sementara itu, **Badrul Hisham Hashim** pula berkata, kerja mengorek pasir tersebut bukan hanya menjejaskan nelayan di sekitar perairan Jelutong, malah kesannya turut dirasai nelayan sehingga ke Seberang Perai.

Ini kerana, katanya, lumpur dan kelodak yang dibawa arus daripada aktiviti mengorek pasir itu turut mencemari hampir keseluruhan kawasan perairan negeri ini menyebabkan majoriti nelayan negara ini terjejas mata pencarian.

"Sebab itu kita merayu pihak berkuasa khususnya kerajaan negeri mengambil langkah segera dan menyiasat serta menghentikan aktiviti mengorek pasir ini apatah lagi terdapat keraguan sama ada dibuat secara sah atau sebaliknya," katanya.



QUAH BENG LEONG



BADRUL HISHAM HASHIM

"Sekarang walau seharian turun ke laut sekali pun, belum tentu pulang membawa hasil. Jadi bagaimana kami mahu meneruskan kehidupan?"

QUAH BENG LEONG